KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	1/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	PERHILITAN			

Lokasi transit pilihan seludup tenggiling

Georgetown: Malaysia dijadikan lokasi transit bagi aktiviti penyeludupan hidupan liar khususnya tenggiling sebelum haiwan itu dipasarkan ke beberapa negara lain.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, pihaknya percaya aktiviti penyeludupan itu membabitkan sindiket berlainan.

Beliau berkata, pihaknya mendapati burung murai batu banyak diseludup ke Indonesia manakala tenggiling diseludup dari Indonesia ke Malaysia sebelum dihantar ke negara lain seperti China dan Vietnam.

"Kami percaya ketua sindiket (penyeludupan hidupan liar) di Malaysia tidak ramai dan kami bersama beberapa agensi akan berusaha mengesan dan menangkap mereka.

"Malah, sepanjang tahun lalu, kami merampas dua tan tenggiling.

Antara hidupan liar lain diseludup ialah burung murai batu, kijang dan gading gajah

"Antara hidupan liar lain yang diseludup ialah burung murai batu, kijang dan gading gajah," katanya pada sidang media di Batu Feringghi di sini, semalam.

Terdahulu, Abdul Kadir menghadiri mesyuarat Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang turut dihadiri Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mazlan Lazim dan Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir.

Mengulas lanjut Abdul Kadir berkata, seramai 127 pemburu haram ditahan menerusi 11 siri OBK dijalankan pada tahun ini di seluruh negara manakala 69 kertas siasatan atas pelbagai kesalahan jenayah dibuka.

Beliau berkata, kejayaan itu hasil daripada operasi rondaan di lapangan membabitkan beberapa agensi termasuk Perhilitan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JKDM.

HM 1.12.2021_4